



KETUA PENGARAH  
DIRECTOR GENERAL

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD

Rujukan : ( 9 ) LPKM 10/4/40  
Tarikh : 24 Disember 2020

Kepada  
Semua Pegawai MTIB  
Persatuan-Persatuan Industri Kayu Malaysia  
Pengeksport dan Pembekal Kayu Malaysia

## PEKELILING KETUA PENGARAH BIL. 3 TAHUN 2020 LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

### PENDAFTARAN AKTIVITI PENGEKSPORT BAGI KATEGORI PERABOT [AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1973 (Akta 105)]

YBhg. Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Keperluan pendaftaran aktiviti pengeksport bagi kategori perabot telah diangkat dan diluluskan oleh Jemaah Lembaga MTIB. Ia juga telah dipersetujui di peringkat Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Keperluan pendaftaran aktiviti pengeksport ini adalah sebagaimana yang digariskan dalam Bahagian III, Pengawalseliaan Perindustrian Kayu – Larangan terhadap menjalankan aktiviti tanpa pendaftaran, Seksyen 13 (1), Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia 1973 (Akta 105).

Usaha ini bertujuan untuk memastikan sektor perabot mematuhi keperluan *traceability*, *legality* dan *sustainability* yang merupakan perkara yang diberikan fokus utama oleh negara-negara pengimport bagi membolehkan sektor ini kekal bersaing di peringkat global. Ia selari dengan usaha Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) ke arah mengukuhkan industri perkapuan negara dan menambahbaik sistem perkhidmatan kepada sektor perkapuan.

Pendaftaran pengeksport bagi kategori perabot akan berkuatkuasa mulai **4 Januari 2021**. Oleh itu, semua pengeksport perabot adalah dikehendaki berdaftar dengan MTIB dan mematuhi semua peraturan dan garis panduan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MOHD KHEIRUDDIN MOHD RANI**  
Ketua Pengarah